LAPORAN PROJEK UPLIFT 2026

18 - 19 Julai 2026
Chow Kit, Kuala Lumpur &
RKK Tengku Budriah, Cheras, Selangor

PLANTING THE SEEDS OF HOPE

UPLIFT

isma UK-EIRE

ISI KANDUNGAN

BUTIRAN PROGRAM 03

AHLI SUKARELAWAN 04

LAPORAN HARIAN 06

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN 11

KALAM PENGARAH 12

Berdasarkan **OBJEKTIF** iaitu:

- memberi inspirasi
- membantu meningkatkan pertumbuhan peribadi
- membina dan mengukuhkan silaturahim

satu projek bantuan kemanusiaan telah berjaya dilaksanakan selama **2 HARI** (18-19 Julai 2026) yang bertempat di

CHOW KIT, KUALA LUMPUR

&

RUMAH KANAK-KANAK TENGKU BUDRIAH, CHERAS

Projek ini melibatkan **20 SUKARELAWAN** yang terdiri daripada pelajar Malaysia di luar negara dan dalam negara.

Dengan kerjasama ISMA UK-EIRE dan Yayasan Ikhlas, projek ini berjaya menyantuni lebih **60 KANAK-KANAK** yang memerlukan.

AHLI SUKARELAWAN



AISYAH

TIMB PENGARAH

Hochschule Düsseldorf



DANISH

PENGARAH

University of Warwick



ROS ALIYA

SETIAUSAHA

Griffith College Cork



DAMIA

BENDAHARI

Griffith College Cork



HANANI

BIRO AKTIVITI

Griffith College Cork



AIMAN

BIRO AKTIVITI

University of Manchester

AHLI SUKARELAWAN



Sheffield University



University of Glasgow



Griffith College Cork



Cardiff University



University of Warwick

LAPORAN HARIAN

18 Julai 2026

Chow Kit - Seramai 22 peserta yang terdiri daripada golongan remaja dan kanak-kanak berkumpul di Chow Kit sebelum menaiki bas sewa untuk bertolak ke Zoo Negara. Mereka hadir daripada keluarga asnaf yang tinggal di sekitar Chow Kit

Bersama mereka terdapat 9 sukarelawan, 5 wakil daripada Yayasan Ikhlas dan juga 2 penjaga. Semua peserta dibekalkan dengan roti dan air minuman sebelum memulakan perjalanan.



Semua peserta mendapatkan tempat masing-masing di dalam bas



Peserta meniru gaya haiwan unik yang dijumpai



Sesi fotografi bersama kanak-kanak Chow Kit di hadapan pintu masuk Zoo Negara

Zoo Negara - Antara aktiviti yang dijalankan bersama kanak-kanak ialah 'Scavanger Hunt' iaitu aktiviti di mana setiap kumpulan perlu mencari haiwan-haiwan unik di sekitar Zoo Negara. Semua peserta kelihatan teruja dan gembira ketika aktiviti ini dijalankan

Aktiviti ini dapat memupuk rasa syukur terhadap kebesaran ciptaan Allah SWT disamping dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan hidupan liar dan alam sekitar. Kesemua peserta dapat mempelajari jenis-jenis haiwan yang sukar ditemui.

LAPORAN HARIAN

Masjid Wilayah Persekutuan - Setelah tamat lawatan di Zoo Negara, semua peserta berkumpul di Masjid Wilayah Persekutuan bagi acara majlis penutup dan pengagihan bantuan.



Peserta menjamu makanan tengah hari bersama-sama

Kesemua peserta dan sukarelawan menikmati makanan tengahari yang sediakan. Kemudian, majlis penutup dimulai dengan ucapan pengarah projek, pembahagian hadiah kepada kumpulan yang memenangi aktiviti 'scavenger hunt' dan diakhiri dengan pengagihan bantuan kepada kanak-kanak dan keluarga mereka.



Sesi fotografi terakhir di Masjid Wilayah Persekutuan

Antara barangan bantuan yang diagihkan termasuklah beras, makanan bertin, roti, minuman berperisa, coklat dan snek. Pengagihan barangan ini diharapkan dapat meringankan sedikit beban bagi keluarga asnaf yang terlibat.

19 Julai 2026



Wakil Yayasan Ikhlas memberi taklimat awal kepada para sukarelawan

RKK Tengku Budriah - Seramai 40 kanak-kanak yang berumur linkungan daripada 8 hingga 13 tahun menyertai aktiviti pada hari ini. Sebelum bermula, kesemua sukarelawan mendengar taklimat daripada wakil Yayasan Ikhlas. Kemudian, majlis pembukaan dimulai dengan ucapan daripada pengarah projek dan pengenalan tentang Uplift kepada kanak-kanak.

LAPORAN HARIAN

Bagi memulakan program, para peserta menyertai aktiviti 'Belon Saya' yang bertujuan memecahkan suasana dan mengeratkan hubungan sesama mereka. Setiap peserta meniup belon dan menulis nama serta hobi mereka pada belon tersebut.



Peserta mencari pemilik belon yang ditangkap

Selepas itu, semua belon dilepaskan ke udara secara serentak sebelum setiap peserta perlu mendapatkan semula belon secara rawak dan mencari pemilik asalnya. Aktiviti ini mencetuskan suasana yang ceria dan menggalakkan peserta untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain.





Sesi pemberian sumbangan

Dalam masa yang sama, beberapa orang sukarelawan turut membantu menguruskan sebuah taska komuniti yang menempatkan bayi dan kanak-kanak berusia 0 bulan hingga 4 tahun. Pihak program juga telah menyampaikan sumbangan berupa lampin pakai buang, ubat-ubatan asas dan makanan bayi bagi membantu memenuhi keperluan harian taska tersebut.

LAPORAN HARIAN

Aktiviti diteruskan dengan permainan Drawing Relay yang menguji kreativiti, komunikasi bukan lisan serta semangat kerjasama dalam kumpulan. Setiap kumpulan diberikan satu perkataan untuk dilukiskan secara bergilir-gilir tanpa bercakap, manakala seorang wakil kumpulan perlu meneka hasil lukisan tersebut.



Peserta melakukan aktiviti Drawing Relay dalam kumpulan

Peserta menunjukkan semangat yang tinggi dan terhibur melihat perubahan lukisan mengikut imaginasi setiap ahli kumpulan. Melalui aktiviti ini, peserta memahami bahawa hasil yang baik memerlukan kerjasama dan sumbangan daripada setiap individu. Aktiviti ini turut memupuk sikap menghargai idea orang lain serta menyedari bahawa setiap individu mempunyai kelebihan tersendiri.



Peserta tasmik Iqra' dihadapan sukarelawan

Seterusnya adalah waktu rehat dan makan sebelum menunaikan solat Zohor berjemaah. Selepas itu, sesi mengaji bersama dijalankan dengan membahagikan peserta kepada beberapa kumpulan mengikut tahap bacaan masing-masing iaitu Muqaddam, Iqra' dan al-Quran. Aktiviti ini bertujuan memupuk kecintaan terhadap ibadah dan memperbaiki bacaan al-Quran.

LAPORAN HARIAN

Sebagai aktiviti penutup, para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan menghasilkan origami mudah seperti musang, kucing dan arnab menggunakan kertas yang disediakan. Setelah siap, peserta menulis mesej-mesej positif, kata-kata semangat dan doa pada kertas tersebut sebelum diberikan kepada rakan secara rawak.



Peserta mengangkat hasil origami yang telah siap dibuat

Aktiviti ini berjaya memupuk kreativiti, budaya saling menghargai serta mengeratkan ukhuwah sesama peserta, di samping menggalakkan mereka menyebarkan kata-kata yang baik sebagaimana dianjurkan dalam Islam.



Wakil sukarelawan berkongsi ibrah aktiviti

Program diakhiri dengan sesi penutup yang dimulakan dengan perkongsian ibrah oleh wakil sukarelawan berdasarkan setiap aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program. Sesi diteruskan dengan bergambar bersama sebagai kenangan sebelum para peserta bersurai.



Sesi fotografi sukarelawan dan peserta

Selepas tamat program, semua sukarelawan mengadakan satu sesi refleksi dimana para sukarelawan berkongsi pengalaman sepanjang mengendalikan program serta membincangkan kekuatan dan cabaran yang dihadapi. Cadangan penambahbaikan turut dikumpulkan sebagai panduan untuk memastikan penganjuran program-program akan datang dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

1. Memperkukuhkan perancangan awal dan komunikasi

Ini dapat memastikan semua sukarelawan memahami tugas yang diberikan dan program dapat dijalankan dengan lebih lancar

Cadangan pelaksanaan:

- **Mengadakan mesyuarat terperinci bersama semua sukarelawan yang terlibat lebih awal**
- **Menetapkan PIC yang jelas dan lebih awal bagi setiap bahagian**
- **Menyediakan garis panduan tugasan lebih awal dan terperinci**

2. Menambahbaik pengurusan logistik dan operasi

Ini dapat memastikan keperluan program mencukupi dan membantu mengurangkan penggunaan kos projek

Cadangan pelaksanaan:

- **Merancang urusan seperti tempahan makanan, pengangkutan dan tiket dilaksanakan dengan lebih awal agar dapat membuat perbandingan harga atau mendapatkan harga pukal**
- **Memastikan bilangan peserta sentiasa dikemaskini**

3. Menyediakan pelan alternatif

Ini dapat mengurangkan perubahan yang tidak dijangka dan memastikan kelancaran program dapat dikekalkan

Cadangan pelaksanaan:

- **Menyediakan aktiviti alternatif yang tidak memerlukan peralatan**
- **Merancang tindakan susulan jika berlaku sebarang seperti masalah teknikal dan perubahan bilangan peserta**

KALAM PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk menjayakan Projek Uplift 2026. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta setiap insan yang istiqamah meneruskan perjuangan dakwah hingga ke hari ini.

Projek Uplift 2026 merupakan satu inisiatif yang lahir daripada semangat kesukarelawanan dan keprihatinan terhadap pembangunan insan, khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan sokongan, perhatian dan kasih sayang daripada masyarakat. Melalui kerjasama antara ISMA UK-EIRE dan Yayasan Ikhlas, program ini bukan sahaja memberi pelbagai hikmah kepada para peserta, juga menjadi platform untuk para sukarelawan menyemai nilai empati, kepimpinan, dan ukhuwah. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti lawatan ke Zoo Negara, aktiviti berkumpulan dan sesi pembangunan sahsiah yang dirancang bagi memberikan pengalaman bermakna kepada semua yang terlibat.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa, sukarelawan, ISMA UK-EIRE, Yayasan Ikhlas, para penaja, serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa, idea dan sokongan dalam menjayakan projek ini. Pengorbanan dan komitmen yang diberikan amat besar nilainya dan menjadi tulang belakang kepada kejayaan program ini.

Akhir kata, saya berharap agar Projek Uplift 2026 menjadi titik permulaan kepada lebih banyak usaha kebajikan dan khidmat masyarakat pada masa hadapan. Semoga setiap amal yang dilakukan diterima sebagai ibadah di sisi Allah SWT, serta meninggalkan kesan yang positif di dalam diri setiap peserta dan sukarelawan.
“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain.”

Sekian, terima kasih.

Mohammed Danish bin Allani Husni,
Pengarah,
Projek Uplift 2026